

30 MAY 2003

FAMA-Pejabat/I

FAMA MAHU BUKA PEJABAT DI LUAR NEGARA

IPOH, 30 Mei (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk membuka pejabatnya di pasaran strategik di luar negara bagi memastikan pemasaran dan promosi lebih baik produk pertanian berkualiti negara di peringkat antarabangsa.

Ketua Pengarahnya Datuk Wan Ibrahim Wan Daud berkata agensi itu kemungkinan akan membuka pejabatnya sendiri atau menempatkan pegawainya di kedutaan Malaysia atau pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di negara-negara asing.

"Kita telah kemukakan permohonan kepada kerajaan dan berharap untuk melaksanakan perkara itu di bawah belanjawan yang diperuntukkan kepada kita oleh kerajaan melalui pakej rangsangan ekonomi," katanya pada jamuan malam bersama media di sini malam tadi.

Di bawah pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas, sektor pertanian telah diperuntukkan RM2.85 bilion.

FAMA telah diberikan RM14 juta untuk melaksanakan program bagi mempromosikan 10 produk industri kecil dan sederhana di bawah program "Malaysia Best" dalam usaha untuk mempromosikan produk terbaik negara di luar negara.

Wan Ibrahim berkata pejabat di luar negara diperlukan kerana kini agensi itu bergantung kepada pegawai kedutaan dan Matrade untuk melakukan pemasaran dan promosi.

"Tetapi mereka juga sibuk kerana mereka turut diminta memasarkan dan mempromosikan produk lain Malaysia seperti kayu balak, perabot dan minyak sawit," katanya.

Beliau berkata adalah wajar untuk membuka pejabat atau malahan cawangan untuk mempamerkan produk tempatan di luar negara kerana terdapat permintaan tinggi bagi produk berkenaan dan katanya sebagai contohnya Belanda yang mengimport produk makanan bernilai RM34 juta dari Malaysia.

Wan Ibrahim berkata Malaysia memerlukan rangkaian pemasaran lebih luas untuk menerokai pasaran antarabangsa berikutan negara agak ketinggalan berbanding jirannya seperti Thailand, Indonesia dan Singapura akibat faktor itu.

"Thailand memanfaatkan restoran yang dibuka oleh rakyatnya di Eropah dan negara lain untuk memasarkan produk pertanian mereka. Kita sukar untuk menemui kedai seumpama itu yang dimiliki oleh rakyat kita dan sebab itu eksport kita agak lembap," katanya.

-- BERNAMA

AR RHM